



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI INDUSTRI UKIRAN KAYU BUMIPUTERA (PPKU)

**Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan bagi menjelaskan syarat dan kriteria kelayakan permohonan pembiayaan di bawah Program Peningkatan Kapasiti Industri Ukiran Kayu Bumiputera (PPKU) oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kepada PMKS Bumiputera dalam industri ukiran kayu.
- 1.2 Objektif pelaksanaan PPKU adalah seperti berikut:-
- a) Meningkatkan kapasiti pengeluaran produk ukiran kayu dan menjimatkan tempoh masa proses kerja berbanding proses manual (tradisional);
 - b) Menjalankan operasi pengeluaran secara *mass production* bagi pasaran tempatan dan antarabangsa;
 - c) Mentransformasikan proses pembuatan daripada kaedah tradisional ke arah modenisasi / automasi; dan
 - d) Meningkatkan pendapatan dan hasil jualan PMKS Bumiputera dalam industri ukiran kayu.

2. PELAKSANAAN PROGRAM

- 2.1 PPKU dilaksanakan melalui pembiayaan **geran padanan** bagi perolehan mesin kerja kayu di mana keutamaan diberikan kepada mesin *Laser, UV Laser Printer* dan *CNC*.
- 2.2 Pecahan pembiayaan bagi perolehan mesin mesin kerja kayu adalah tertakluk kepada saiz perusahaan pemohon seperti berikut:-

BIL	*SAIZ PERUSAHAAN	PECAHAN PEMBIAYAAN (%)	
		MTIB	PEMOHON
1.	<u>Mikro</u> Nilai jualan tahunan kurang daripada RM300 ribu atau bilangan pekerja kurang daripada lima (5) orang	70	30
2.	<u>Kecil</u> Nilai jualan tahunan daripada RM300 ribu hingga RM15 juta atau bilangan pekerja daripada lima (5) orang hingga 75 orang	70	30
3.	<u>Sederhana</u> Nilai jualan tahunan daripada RM15 juta hingga RM50 juta atau bilangan pekerja daripada 75 orang hingga 200 orang	60	40

*Nota: Definisi adalah daripada SME Corp.

- 2.3 Pembiayaan secara geran padanan bagi saiz perusahaan **Mikro dan Kecil** adalah tertakluk kepada had nilai maksimum oleh MTIB sebanyak **RM70 ribu atau 70% daripada permohonan, mana yang lebih rendah.**
- 2.4 Contoh pengiraan nilai pembiayaan oleh MTIB bagi saiz perusahaan **Mikro dan Kecil** adalah seperti berikut:-

BIL	HARGA MESIN YANG DIMOHON	PECAHAN PEMBIAYAAN		CATATAN
		MTIB (70%)	PEMOHON (30%)	
1.	RM85,000	$70\% \times \text{RM}85,000 = \text{RM}59,500$ Nilai pembiayaan = RM59,500	$30\% \times \text{RM}85,000 = \text{RM}25,500$ Nilai pembiayaan = RM25,500	Nilai pembiayaan oleh MTIB berjumlah <u>RM59,500</u> adalah berdasarkan 70% daripada harga mesin yang dimohon.
2.	RM100,000	$70\% \times \text{RM}100,000 = \text{RM}70,000$ Nilai pembiayaan = RM70,000	$30\% \times \text{RM}100,000 = \text{RM}30,000$ Nilai pembiayaan = RM30,000	Nilai pembiayaan oleh MTIB berjumlah <u>RM70,000</u> adalah berdasarkan 70% daripada harga mesin yang dimohon.
3.	RM150,000	$70\% \times \text{RM}150,000 = \text{RM}105,000$ Nilai maksimum pembiayaan = RM70,000	$30\% \times \text{RM}150,000 = \text{RM}45,000$ Nilai pembiayaan = perbezaan harga mesin dan nilai maksimum pembiayaan oleh MTIB $= \text{RM}150,000 - \text{RM}70,000 = \text{RM}80,000$	Nilai pembiayaan oleh MTIB berjumlah <u>RM70,000</u> adalah berdasarkan nilai maksimum pembiayaan PPKU bagi saiz perusahaan Mikro dan Kecil.

2.5 Manakala, pembiayaan secara geran padanan bagi saiz perusahaan **Sederhana** adalah tertakluk kepada had nilai maksimum oleh MTIB sebanyak **RM60 ribu atau 60% daripada permohonan, mana yang lebih rendah.**

2.6 Contoh pengiraan nilai pembiayaan oleh MTIB bagi saiz perusahaan **Sederhana** adalah seperti berikut:-

BIL	HARGA MESIN YANG DIMOHON	PECAHAN PEMBIAYAAN		CATATAN
		MTIB (60%)	PEMOHON (40%)	
1.	RM85,000	$60\% \times \text{RM}85,000 = \text{RM}51,000$ Nilai pembiayaan = RM51,000	$40\% \times \text{RM}85,000 = \text{RM}34,000$ Nilai pembiayaan = RM34,000	Nilai pembiayaan oleh MTIB berjumlah <u>RM51,000</u> adalah berdasarkan 60% daripada harga mesin yang dimohon.
2.	RM100,000	$60\% \times \text{RM}100,000 = \text{RM}60,000$ Nilai pembiayaan = RM60,000	$40\% \times \text{RM}100,000 = \text{RM}40,000$ Nilai pembiayaan = RM40,000	Nilai pembiayaan oleh MTIB berjumlah <u>RM60,000</u> adalah berdasarkan 60% daripada harga mesin yang dimohon.
3.	RM150,000	$60\% \times \text{RM}150,000 = \text{RM}90,000$ Nilai pembiayaan maksimum = RM60,000	$40\% \times \text{RM}150,000 = \text{RM}60,000$ Nilai pembiayaan = perbezaan harga mesin dan nilai maksimum pembiayaan oleh MTIB $= \text{RM}150,000 - \text{RM}60,000 = \text{RM}90,000$	Nilai pembiayaan oleh MTIB berjumlah <u>RM60,000</u> adalah berdasarkan nilai maksimum pembiayaan PPKU bagi saiz perusahaan Sederhana.

- 2.7 Kos Pengurusan sebanyak **RM1,000** akan dikenakan kepada permohonan yang telah diluluskan.
- 2.8 Kelulusan pinjaman adalah tertakluk kepada baki peruntukan yang masih ada semasa permohonan dikemukakan.
- 2.9 MTIB berhak meminda mana-mana klausa peruntukan dalam garis panduan ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

3. PERMOHONAN PINJAMAN

3.1 Syarat Permohonan

3.1.1 Pemohon bagi pembiayaan geran padanan di bawah PPKU hendaklah:-

- i) Merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] / sebuah perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197];
- ii) Merupakan sebuah syarikat bertaraf **Bumiputera** iaitu:-
 - a) Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) – 51% ekuiti Bumiputera; atau
 - b) Syarikat *Enterprise* (Perniagaan Tunggal / Perkongsian) – 100% ekuiti Bumiputera
- iii) Saiz perusahaan bertaraf Mikro / Kecil / Sederhana;
- iv) Digalakkan berdaftar dengan MTIB sekurang-kurangnya sebagai **pedagang**;
- v) Beroperasi secara sah dengan memiliki lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- vi) Beroperasi di premis yang dibenarkan (sah) oleh PBT samada milikan sendiri atau secara sewaan;
- vii) Telah beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang pengeluaran produk berasaskan kayu **KECUALI** bagi usahawan perkayuan di bawah bimbingan MTIB – hendaklah memenuhi tahap penilaian program yang ditetapkan oleh MTIB sebagai syarat tambahan;
- viii) Sebuah Syarikat Sdn. Bhd. / Syarikat *Enterprise* yang tidak digulungkan atau dalam proses penggulungan dan semua

Pengarahnya / Pemiliknya bukanlah seorang yang bankrap atau dalam proses pembankrapan;

- ix) Digalakkan menjalani / memohon menjalani auditan *SME Competitiveness Rating For Enhancement* (SCORE) atau M-CORE (untuk kategori Mikro) oleh MTIB atau SME Corp.;
- x) Tiada sebarang tunggakan hutang dengan MTIB – bagi maksud ini, **"hutang"** adalah juga merangkumi **hutang-hutang lain terhadap MTIB**, iaitu yang diperuntukkan dan dibiayai oleh MTIB di bawah program-program; dan
- xi) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan syarikat pembekal mesin yang dipilih.

3.1.2 Setiap pemohon hanya dibenarkan untuk memohon **satu (1) unit** mesin kerja kayu termasuk aksesori dan peralatan yang berkaitan sahaja.

3.2 **Dokumen Permohonan**

3.2.1 Pemohon perlu memajukan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- i) Borang Permohonan PPKU yang lengkap – borang boleh diperolehi di:-
 - a) laman sesawang MTIB **www.mtib.gov.my** (***Klik di Menu Insentif***); atau
 - b) Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, Ibu Pejabat MTIB;
 - c) Pejabat-pejabat MTIB Wilayah / Negeri; atau
 - d) Edaran semasa taklimat program.
- ii) Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat (Borang 9) atau Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang D) dan Perakuan Pembaharuan Perniagaan (Borang E) pemohon, termasuk Borang 24, 44 dan 49 bagi syarikat Sdn. Bhd. (*Pemohon boleh memajukan carian lengkap profil syarikat **terkini** daripada SSM e-info*);
- iii) Salinan kad pengenalan semua Pemegang Saham dan Pengarah Syarikat (bagi Syarikat Sdn. Bhd.) / Pemilik Perniagaan dan Rakan Kongsi (bagi Syarikat Enterprise);
- iv) Salinan sijil pendaftaran dengan MTIB sebagai pedagang;
- v) Salinan lesen perniagaan yang masih sah daripada PBT;

- vi) Salinan geran tanah (milik sendiri) / perjanjian penyewaan premis;
- vii) Salinan carian e-insolvensi status penggulgungan syarikat dan kebangkrapan semua Pengarah / Pemilik syarikat **terkini** daripada Jabatan Insolvensi Malaysia;
- viii) Salinan penyata bank syarikat bagi **tiga (3) bulan terkini** – penyata bank ini perlu **DISAHKAN** oleh pegawai bank di helaian muka surat baki penyata setiap bulan;
- ix) Salinan penyata terkini akaun yang telah diaudit bagi **tiga (3) tahun terkini** (bagi Syarikat Sdn. Bhd.) atau **Akaun Pengurusan Syarikat terkini** yang telah disahkan oleh Setiausaha syarikat / Akauntan Bertauliah (bagi Syarikat *Enterprise*) kecuali bagi syarikat yang beroperasi kurang satu (1) tahun / di bawah bimbingan MTIB;
- x) Salinan keputusan penarafan SCORE / M-CORE;
- xi) Salinan Penyata Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja;
- xii) Pelan Perniagaan Syarikat untuk tempoh tiga (3) tahun;
- xiii) Maklumat / Katalog mesin kerja kayu yang dimohon;
- xiv) Salinan sebutharga mesin kerja kayu daripada syarikat pembekal yang dipilih oleh pemohon; dan
- xv) Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat (Borang 9) atau Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang D) dan Perakuan Pembaharuan Perniagaan (Borang E) syarikat pembekal. *(Pemohon boleh memajukan carian lengkap profil syarikat pembekal **terkini** daripada SSM e-info).*

3.3 **KELULUSAN PINJAMAN**

- 3.3.1 Permohonan yang diterima akan disemak, diteliti, disyor dan dipertimbangkan bagi tujuan kelulusan melalui jawatankuasa yang berkaitan.
- 3.3.2 Pemohon hendaklah sentiasa bersedia untuk hadir ke Sesi Pembentangan Pelan Perniagaan Syarikat bagi tujuan penerangan terperinci berkaitan permohonan yang dikemukakan.
- 3.3.3 MTIB akan mengemukakan Surat Tawaran Pembiayaan Geran Padanan PPKU kepada pemohon yang berjaya. Sebarang keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini adalah **muktamad**.

- 3.3.4 Pemohon perlu mengemukakan Surat Penerimaan Tawaran Pembiayaan Geran Padanan PPKU dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan oleh MTIB. Kelulusan pembiayaan ini adalah **terbatal secara automatik** selepas tamat tempoh masa yang ditetapkan atau pemohon gagal mematuhi syarat dan terma pembiayaan yang telah ditetapkan dan permohonan baharu perlu dikemukakan semula sekiranya pemohon berhasrat untuk mendapatkan pembiayaan PPKU.
- 3.3.5 Kos Pengurusan sebanyak **RM1,000** akan dikenakan kepada permohonan yang telah diluluskan bagi urusan pentadbiran:-
- a) hendaklah dibayar secara pemindahan dana elektronik (*electronic fund transfer*) dalam tempoh **14 hari** dari tarikh Surat Tawaran yang dikeluarkan oleh surat tawaran dikeluarkan oleh MTIB;
 - b) Kegagalan pemohon membuat pembayaran Kos Pengurusan dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan kelulusan pembiayaan terbatal; dan
 - c) Pembayaran Kos Pengurusan yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan** sekiranya pemohon menarik diri setelah pembiayaan diluluskan atau pemohon gagal mematuhi syarat dan terma pembiayaan yang telah ditetapkan.
- 3.3.6 Perolehan mesin kerja kayu yang diluluskan oleh MTIB hendaklah dilaksanakan oleh pemohon dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.
- 3.3.7 Sebarang permohonan pelanjutan tempoh masa, pertukaran jenis / model mesin kerja kayu serta pertambahan kos / harga (*Variation of Price*) selepas kelulusan diberikan **tidak akan dipertimbangkan oleh MTIB.**
- 3.3.8 MTIB berhak untuk menarik balik / membatalkan kelulusan pembiayaan sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat palsu atau meragukan serta mempunyai kepentingan dengan pihak syarikat pembekal.
- 3.3.9 Permohonan yang dikemukakan dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengemukakan dokumen permohonan yang lengkap kepada MTIB.

4. DOKUMEN PERJANJIAN

- 4.1 Satu perjanjian akan ditandatangani di antara MTIB dengan pemohon yang berjaya setelah MTIB menerima Surat Penerimaan Tawaran Pembiayaan Geran Padanan PPKU daripada pemohon.
- 4.2 Dokumen perjanjian perlu dikembalikan kepada MTIB dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh dokumen tersebut dimajukan kepada pemohon.
- 4.3 Sebarang kos dan duti setem akan **ditanggung sepenuhnya** oleh pemohon.
- 4.4 Tiada perolehan mesin kerja kayu yang diluluskan oleh MTIB boleh dibuat sehingga dokumen perjanjian lengkap dimeterai oleh kedua-dua pihak.
- 4.5 Tempoh perjanjian ini adalah selama **dua (2) tahun** dari tarikh perjanjian ini dimeterai.
- 4.6 Mesin kerja kayu yang telah dibeli tidak boleh dijual / dipindahmilik kepada pihak ketiga tanpa mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada MTIB terlebih dahulu.

5. KAEDAH PEMBIAYAAN GERAN PADANAN PPKU

- 5.1 Terdapat dua (2) kaedah pembiayaan geran padanan PPKU bagi permohonan yang telah diluluskan seperti berikut:-

5.1.1 *Reimbursement*

- a) Pemohon perlu membuat pembayaran sepenuhnya kepada syarikat pembekal terlebih dahulu sebelum membuat tuntutan *reimbursement* kepada MTIB.
- b) Pembayaran kepada syarikat pembekal hendaklah dibuat melalui akaun syarikat dan tidak dibenarkan menggunakan akaun persendirian atau pihak ketiga.
- c) Mesin kerja kayu yang dimohon perlu dihantar ke premis pemohon sebelum pengemukakan tuntutan *reimbursement* kepada MTIB.
- d) Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut kepada MTIB bagi tujuan pembayaran tuntutan *reimbursement*:-
 - i. Surat Pengesahan Penerimaan Mesin kerja kayu dan Pembayaran kepada Pembekal (*Reimbursement*) – **Lampiran A;**

- ii. Surat Pengesahan Penghantaran Mesin kerja kayu kepada Syarikat (*Reimbursement*) – **Lampiran B**; dan
 - iii. Salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) dan invois pembekalan mesin kerja kayu yang telah disahkan oleh pemohon.
- e) MTIB akan membuat pembayaran berdasarkan nilai pembiayaan yang telah diluluskan sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan Geran Padanan PPKU selepas kesemua syarat dan terma pembiayaan dipatuhi oleh pemohon serta semakan di premis dilaksanakan dan MTIB berpuas hati dengan pembekalan mesin kerja kayu tersebut.

5.1.2 Pembayaran Terus Kepada Pembekal

- a) Pemohon perlu membuat pembayaran mengikut pecahan nilai pembiayaan sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan Geran Padanan PPKU.
- b) Pembayaran kepada syarikat pembekal hendaklah dibuat melalui akaun syarikat dan tidak dibenarkan menggunakan akaun persendirian atau pihak ketiga.
- c) Mesin yang dimohon perlu dihantar ke premis pemohon sebelum pengemukaan tuntutan bayaran baki perolehan mesin kerja kayu tersebut kepada MTIB.
- d) Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut kepada MTIB bagi tujuan pembayaran tuntutan baki perolehan mesin tersebut kepada pembekal:-
 - i. Surat Pengesahan Penerimaan Mesin kerja kayu dan Pembayaran kepada Pembekal (Pembayaran Terus Kepada Pembekal) – **Lampiran C**;
 - ii. Surat Pengesahan Penghantaran Mesin kerja kayu bagi Tujuan Pembayaran Kepada Pembekal (Pembayaran Terus Kepada Pembekal) – **Lampiran D**; dan
 - iii. Salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) dan invois pembekalan mesin kerja kayu yang telah disahkan oleh pemohon.
- e) MTIB akan membuat pembayaran baki perolehan mesin tersebut berdasarkan nilai pembiayaan yang telah diluluskan sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan Geran Padanan PPKU selepas kesemua syarat dan terma pembiayaan dipatuhi oleh pemohon serta semakan di

premis dilaksanakan dan MTIB berpuas hati dengan pembekalan mesin kerja kayu tersebut.

- 5.1.3 Pemohon hendaklah memastikan kesemua dokumen pembelian dan pembayaran dibuat atas nama syarikat pembekal yang telah diluluskan oleh MTIB sahaja. Sebarang transaksi yang melibatkan samada daripada atau kepada pihak ketiga (individu / anak syarikat / syarikat bersekutu / syarikat induk / lain-lain pihak) boleh mengakibatkan kelulusan pembiayaan ini dibatalkan.
- 5.1.4 Sebarang isu yang timbul di antara pemohon dan syarikat pembekal atau mana-mana pihak ketiga yang berkaitan dengan perolehan mesin kerja kayu tersebut adalah di luar tanggungjawab MTIB.
- 5.1.5 MTIB berhak untuk melaksanakan lawatan pemeriksaan pada bila-bila masa sahaja di premis permohonan di mana mesin kerja kayu ditempatkan.

-SILA GUNAKAN *LETTERHEAD* SYARIKAT-

KETUA PENGARAH

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 **KUALA LUMPUR**

**(U.p.: Unit Pembangunan Seni Ukiran Kayu,
Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera)**

Tuan,

PENGESAHAN PENERIMAAN MESIN KERJA KAYU DAN PEMBAYARAN KEPADA PEMBEKAL (*REIMBURSEMENT*)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah saya, (nama penuh dan jawatan dalam syarikat), No. Kad Pengenalan: dari (nama syarikat & no. pendaftaran syarikat dengan SSM) dengan ini mengesahkan perkara berikut:-

- a) telah menerima mesin (nama mesin & model mesin) serta kelengkapan sepertimana invois pembekalan mesin bernombor bertarikh; dan
- b) telah membuat bayaran penuh berjumlah RM..... (Ringgit Malaysia:) secara pindahan atas talian (*online transfer*) / cek bernombor kepada syarikat pembekal; (nama syarikat pembekal) dan berpuas hati dengan mesin yang diterima.

3. Sehubungan itu, adalah dipohon kerjasama MTIB untuk membuat bayaran '*reimbursement*' sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:) kepada syarikat seperti perincian berikut:-

- a) Nama & No. Pendaftaran Syarikat :
- b) Nama & No. Akaun Bank Syarikat :
- c) Nama Pegawai Dihubungi :
- d) Alamat emel & No. Telefon :

4. Bersama ini disertakan dokumen seperti berikut untuk perhatian dan rujukan pihak tuan:-

- a) salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) yang telah disahkan;
- b) invois pembekalan mesin kerja kayu yang telah disahkan;
- c) Borang EFT; dan
- d) salinan muka hadapan Penyata Bank syarikat saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :

-SILA GUNAKAN *LETTERHEAD* SYARIKAT PEMBEKAL-

KETUA PENGARAH

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 **KUALA LUMPUR**

**(U.p.: Unit Pembangunan Seni Ukiran Kayu,
Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera)**

Tuan,

**PENGESAHAN PENGHANTARAN MESIN KERJA KAYU KEPADA SYARIKAT
(*REIMBURSEMENT*)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah saya, (nama penuh dan jawatan dalam syarikat), No. Kad Pengenalan: dari (nama syarikat & no. pendaftaran syarikat dengan SSM) yang beroperasi di premis beralamat dengan ini mengesahkan perkara berikut:-

- a) telah membekalkan mesin (nama mesin & model mesin) serta kelengkapan sepertimana invois pembekalan mesin bernombor bertarikh; dan
- b) telah menerima bayaran penuh berjumlah RM..... (Ringgit Malaysia:) secara pindahan atas talian (*online transfer*) / cek bernombor daripada syarikat; (nama syarikat).

3. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai syarikat kami seperti berikut:-

- a) Nama Pegawai Dihubungi :
- b) Jawatan :
- c) Alamat emel & No. Telefon :

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

-SILA GUNAKAN *LETTERHEAD* SYARIKAT-

KETUA PENGARAH

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 **KUALA LUMPUR**

**(U.p.: Unit Pembangunan Seni Ukiran Kayu,
Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera)**

Tuan,

PENGESAHAN PENERIMAAN MESIN KERJA KAYU DAN PEMBAYARAN KEPADA PEMBEKAL (PEMBAYARAN TERUS KEPADA PEMBEKAL)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah saya, (nama penuh dan jawatan dalam syarikat), No. Kad Pengenalan: dari (nama syarikat & no. pendaftaran syarikat dengan SSM) dengan ini mengesahkan perkara berikut:-

- a) telah menerima mesin (nama mesin & model mesin) serta kelengkapan sepertimana invois pembekalan mesin bernombor bertarikh; dan
- b) telah membuat sebahagian bayaran berjumlah RM..... (Ringgit Malaysia:) secara pindahan atas talian (*online transfer*) / cek bernombor kepada syarikat pembekal; (nama syarikat pembekal) dan berpuas hati dengan mesin yang diterima.

3. Sehubungan itu, adalah dipohon kerjasama MTIB untuk membuat baki pembayaran sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:.....) kepada syarikat pembekal seperti perincian berikut:-

- a) Nama & No. Pendaftaran Syarikat Pembekal :
- b) Nama & No. Akaun Bank Syarikat Pembekal :
- c) Nama Pegawai Dihubungi :
- d) Alamat emel & No. Telefon :

4. Bersama ini disertakan dokumen seperti berikut untuk perhatian dan rujukan pihak tuan:-

- e) salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) yang telah disahkan;
- f) invois pembekalan mesin kerja kayu yang telah disahkan;
- g) Salinan slip pembayaran yang telah dibuat oleh pihak saya;
- h) Borang EFT; dan
- i) salinan muka hadapan Penyata Bank syarikat pembekal.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :

-SILA GUNAKAN *LETTERHEAD* SYARIKAT PEMBEKAL-

KETUA PENGARAH

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 **KUALA LUMPUR**

**(U.p.: Unit Pembangunan Seni Ukiran Kayu,
Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera)**

Tuan,

**PENGESAHAN PENGHANTARAN MESIN KERJA KAYU KEPADA SYARIKAT
(*REIMBURSEMENT*)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah saya, (nama penuh dan jawatan dalam syarikat), No. Kad Pengenalan: dari (nama syarikat & no. pendaftaran syarikat dengan SSM) yang beroperasi di premis beralamat dengan ini mengesahkan perkara berikut:-

- a) telah membekalkan mesin (nama mesin & model mesin) serta kelengkapan sepertimana invois pembekalan mesin bernombor bertarikh
- b) telah menerima sebahagian bayaran berjumlah RM..... (Ringgit Malaysia:) secara pindahan atas talian (*online transfer*) / cek bernombor daripada syarikat; (nama syarikat); dan
- c) bersetuju untuk menerima baki pembayaran sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:) secara pindahan atas talian (*online transfer*) / cek bernombor daripada MTIB.

3. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai syarikat kami seperti berikut:-

- a) Nama Pegawai Dihubungi :
- b) Jawatan :
- c) Alamat emel & No. Telefon :

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :